

ABSTRAK

Tesis ini mengkaji aspek penggunaan dalam Islam. Aktiviti penggunaan merupakan agenda ekonomi dalam kehidupan seharian manusia. Perkara yang menjadi fokus ialah falsafah, etika dan matlamat kepenggunaan dalam Islam yang memberi dasar kepada gelagat individu ekonomi untuk bertindak ke atas barangan dan perkhidmatan. Penggunaan secara Islam menggalakkan aktiviti kesederhanaan, keutamaan terhadap pemilihan barangan dan perkhidmatan serta pengiktirafan segala sumber adalah milik Allah. Gambaran dalam kajian memperlihatkan aktiviti pengguna Muslim menyimpang jauh daripada tuntutan yang dikehendaki oleh Islam. Walau pun rata-rata individu Muslim mengiakan keIslaman mereka, namun penghayatan jelas tidak selari dengan Islam yang sebenarnya. Analisis ekonomi konvensional juga diketengahkan untuk melihat secara ilmiah kedudukan aktiviti penggunaan dalam dua sistem iaitu Islam dan Konvensional. Pertentangan dari kedua sistem adalah ketara dari sudut keadilan, kepuasan, prioriti, kebendaan dan pembentukan gelagat individu ekonomi serta matlamat yang ingin dicapai. Semua ini tidak menghairankan kerana kedua-duanya bertitik tolak dari sumber ilmu dan falsafah yang berbeza.

ABSTRACT

CONSUMPTION IN ISLAM : AN ANALYSIS IN THE ISLAMIC PERSPECTIVE.

This thesis looks into the reality of consumption in Islamic perspective. Consumption activities are economic agendas in the daily life of humans. The main focus of the issue are the philosophy, ethics and the purposes of consumption in Islam which shape the foundation of economic behaviour in the consumption of goods and services. Islam encourages moderation in all activities, gives high priority to quality goods and services and acknowledges that all resources are under the ownership of Allah Almighty. The research demonstrates that Muslim consumers have contradicted and deviated from the teachings of Islam. For most of them, despite claiming to be practicing Islam, but apparently in practice they do otherwise. Both Islamic and conventional economic analyses are presented to compare the consumption activities from these two systems. The differences in the two systems are evident in terms of justice, satisfaction, material consequences, consumer attitudes and the objectives. The findings are not unexpected because both systems are derived from different sources of knowledge and principles.